

BAB 2

KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Pembacaan luas memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sahsiah, emosi, rohani, intelek, pengetahuan seseorang. Justeru itu, tabiat membaca perlu dipupuk dari akar umbi iaitu sejak kanak-kanak lagi. Oleh yang demikian di sekolah rendah pelbagai cara dan pendekatan digunakan oleh guru-guru untuk menanamkan sikap membaca di sanubari kanak-kanak. Pakar-pakar bahasa dan psikologi juga sentiasa menjalankan kajian yang berkaitan dengan pembacaan dan amalan pembacaan.

Dalam kajian exploratori ini penyelidik ingin tahu keberkesanan teknik bacaan seimbang. Bab ini akan membincangkan beberapa pendekatan yang diamalkan oleh para pendidik untuk memantapkan kemahiran membaca di kalangan murid-murid. Di samping itu hasil beberapa kajian yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bacaan juga dibincangkan.

2.1 Definisi Membaca dan pembacaan

Bacaan merupakan interaksi serentak pelbagai maklumat untuk mencapai tujuan tertentu. Proses bacaan bermula dengan pencarian makna yang memerlukan penggunaan pelbagai sumber, termasuklah huruf untuk membentuk makna. Pembaca perlu mentafsir

teks berdasarkan pengetahuan latarnya tentang sesuatu topik yang dibacanya. Bagi Duffy dan Roehler (1993) bacaan adalah sesuatu aktiviti membentuk semula mesej yang disampaikan oleh penulis dalam penulisannya bagi memenuhi tujuan rekreasi dan estetika seseorang. John B. Call (1978) menyatakan bahawa,

“Reading is a process of getting meaning, and sometimes sound, from print by converting it (recording the visual representation) to some inner representation that is analogous to that of spoken language and that is comprehended in essentially the same way that spoken language is comprehended.”

Menurutnya, bacaan merupakan suatu proses mendapatkan makna. Kadang-kadang bacaan adalah proses untuk mendapatkan bunyi daripada bentuk bercetak dengan menterjemahkannya daripada simbol-simbol analogi bahasa pengucapan untuk memahaminya sepertimana bahasa pertuturan difahami.

Seseorang harus memahami tiga komponen pembacaan iaitu memahami isi kandungan yang terdapat dalam bahan bacaan, Sikap pembacaan dan proses membaca yang diterima daripada bimbingan orang lain seperti guru atau ibu bapa. Selain itu, pengalaman sedia ada mengenai kandungan bahan bacaan membantu memahami teks tersebut dengan lebih jelas. Ini akan membantu pembaca mengenal pasti masalah, merangka penyelesaian dengan menggunakan maklumat daripada pembacaan bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi sepanjang hayat.

Menurut Howes (1990), ‘reading is the magic key to the world of enlightenment and enjoyment. It is the basic tool for learning in all subject areas’. Seterusnya Strang (1989), menegaskan kepentingan membaca seperti berikut,

'Reading is the key to communication and contributes to the solution of world problems of poverty and animosity. From a personal viewpoint, reading is a key to continuing education, employment, and enjoyment'.

Kenyataan di atas menggambarkan bahawa pembacaan adalah sesuatu yang perlu dikuasai oleh seseorang untuk menikmati kehidupan dalam dunia ini. Pembacaan adalah kunci komunikasi dan penyumbang untuk menyelesaikan masalah-masalah kemiskinan dan permusuhan sedunia. Sebagai pandangan peribadi Strang menyatakan pembacaan adalah kunci untuk pendidikan berterusan, pekerjaan dan keseronokan.

Bond & Tinker(1967) pula menyatakan bahawa pembacaan adalah suatu aktiviti mengenal pasti simbol-simbol bercetak atau tulisan-tulisan yang akan merangsang pembaca mengingati maknanya yang dibina berdasarkan kepada pengalamannya yang lalu.

Smith (1970) menakrifkan, pembacaan adalah satu proses yang kompleks di mana pembaca mencuba menterjemahkan lambang-lambang bertulis kepada makna.

Downing and Thackray (1975) mengaitkan pembacaan dengan proses penterjemahan bahan-bahan cetakan atau tulisan kepada bunyi bahasa pertuturan dan proses mendapatkan maksud cetakan atau tulisan tersebut.

Menurut Abu Basar (1979), membaca merupakan gabungan proses menyuarakan lambang-lambang bertulis, mengamati serta memahami kandungannya.

Daripada definisi-definisi ini kita dapat merumuskan betapa pentingnya bacaan sebagai suatu aspek penguasaan bahasa. Dengan adanya kebolehan membaca seseorang itu dapat menimba ilmu pengetahuan daripada pelbagai sumber. Akan tetapi, Anderson (1983) mengenal pasti beberapa masalah utama yang menyebabkan kelemahan dalam

pembacaan di kalangan murid-murid di kebanyakan negara. Terdapat banyak sebab yang mempunyai hubungan secara langsung dengan pembacaan. Antaranya, kualiti bacaan di sekolah dan kurang tumpuan terhadap pengajaran kemahiran membaca itu sendiri.

Kemahiran membaca merupakan keperluan asas dalam proses pembelajaran. Penguasaan kemahiran membaca bermaksud penguasaan setiap komponen seperti mengecam huruf, bunyi, perkataan hingga kemahiran memahami isi kandungan teks. Di samping itu, amalan membaca dapat membantu seseorang itu meningkatkan daya kreatif serta meluaskan pengetahuan dalam bidang-bidang yang diminatinya.

2.2 Pendekatan-pendekatan untuk mengajar bacaan

Pengajaran membaca dikaitkan dengan berbagai-bagai tujuan, iaitu daripada yang paling asas, mengenal huruf supaya dapat membaca dan menulis sehingga tujuan membantu seseorang itu melaksanakan sesuatu tugas. Menyedari kepentingan membaca ramai pengkaji telah memperkenalkan pelbagai kaedah untuk mengajar bacaan. Berikut ini adalah beberapa pendekatan yang telah diutarakan oleh beberapa pengkaji tentang kaedah membaca.

2.2.1 Pendekatan Berasaskan Kemahiran (Skills-Based Approach)

Pendekatan berasaskan kemahiran ini telah dipengaruhi oleh kerja-kerja Jeanne S. Chall (Snow, Burns & Griffin 1998). Chall telah membincangkan secara mendalam mengenai amalan yang berkesan dalam kaedah permulaan bacaan. Beliau membuat kesimpulan bahawa terdapat kebaikan-kebaikan yang

berkesan dan konsisten bagi program-program yang merangkumi fonik yang bersistematik. Pengajaran fonik adalah satu strategi untuk mengajar perhubungan bunyi dengan huruf, dengan menjalankan latihan bacaan secara jelas. Pada 1990 J.Adams telah menyambung usaha Chall dengan mengulas kajian permulaan bacaan, berfikir dan belajar tentang cetakan. Seperti Chall, Adam juga menitikberatkan kaedah bacaan berkesan berdasarkan kaedah langsung dalam fonik.

Kaedah berasaskan kemahiran (Skills based Approach), menegaskan bahawa sekiranya hubungan bunyi dengan huruf diketahui dahulu, maksud perkataan akan menyusul sendirinya. Dalam kaedah ini, pengajaran fonik diberi keutamaan. Kaedah ini memberi kanak-kanak peluang untuk mempelajari hubungan antara bunyi dengan huruf supaya dapat membunyikan perkataan dengan betul. Mereka mempelajari bunyi konsonan, bunyi panjang dan bunyi pendek huruf-huruf vokal. Ini diikuti pula dengan kemahiran menulis. Pelajar akan menulis hanya selepas mereka menguasai sistem ejaan. Kaedah ini telah digunakan secara meluas dalam tahun-tahun 1960an dan 1970an.

Johnson (1999) meringkaskan kaedah mengajar membaca berasaskan pendekatan kemahiran (fonik) seperti berikut:

- (i) Tumpuan diberikan kepada bunyi berbanding dengan maksud.
- (ii) Dianggapkan pemahaman maksud akan menyusul.
- (iii) Menggunakan perbendaharaan kata yang terkawal untuk memastikan kemajuan pelajar mengikut peringkat yang teratur.
- (iv) Mengajar menulis sepertimana sesuatu perkataan itu dibunyikan.

Kaedah ini menjelaskan, sekiranya seseorang murid-murid itu memahami cara membunyikan huruf maka dia boleh membaca sebarang bahan tanpa bantuan guru atau orang lain. Murid-murid boleh menggunakan pengalaman sedia ada untuk mencari maksud perkataan ataupun menggunakan kamus untuk mencari makna perkataan tersebut. Pada keseluruhannya kaedah ini memberi penekanan kepada asas bacaan.

2.2.2. Kaedah Berasaskan Maksud (Meaning-Based Approach)

Satu lagi kaedah telah diperkenalkan selepas kaedah pendekatan kemahiran, iaitu *meaning based approach* yang memberi penekanan kepada pengertian dan kefahaman. Kaedah ini dipelopori oleh Kenneth S. Goodman (Samuel & Kamil, 1984). Beliau berpendapat para pembaca lebih bergantung kepada struktur dan maksud sesuatu bahasa berbanding dengan informasi grafik daripada teks bacaan. Menurutnya lagi, pembangunan literasi berlaku seiring dengan perkembangan sesuatu bahasa tersebut. Kajian Goodman dalam analisis miskiu dan proses membaca memberi impak yang ketara ke atas kaedah membaca terutamanya di kalangan pembaca awal.

Dalam analisis miskiu pemerhatian diberikan kepada kanak-kanak yang sedang membaca. Pemerhati pula mencatatkan kehilangan, penambahan, perubahan bentuk asal kata semasa kanak-kanak membaca. Informasi ini digunakan untuk mengesan strategi yang digunakan oleh kanak-kanak semasa membaca. Informasi ini juga memberi peluang untuk merancang dan membangunkan idea bagi pemulihan. Menyedari masalah ini Goodman

mengesyorkan sebuah model yang dikenali sebagai pendekatan seluruh bahasa (whole-language approach). Kaedah ini popular pada tahun-tahun 1980an dan 1990an.

Akan tetapi Sam Blumenfeld (1993) seorang ahli bahasa mengkritik pendekatan ini. Menurutnya kaedah seluruh bahasa berasaskan kepada kepercayaan bahawa kanak-kanak belajar membaca sepertimana mereka bertutur. Oleh itu, ia tidak mementingkan kaedah yang formal. Beliau berpendapat kaedah ini membebankan pelajar dan mempunyai banyak kelemahan. Di antaranya ialah, kanak-kanak dikelilingi buku dan diharapkan mereka membacanya. Kanak-kanak juga diajar menghafal perkataan yang dinampak (memorize sight words).

Selain itu, diharapkan kanak-kanak menulis sebelum mereka boleh membaca. Dalam kaedah ini murid-murid diajar hanya sebahagian abjad iaitu huruf-huruf di dalam sesuatu perkataan sahaja. Ini secara tidak langsung akan mengganggu membunyikan sesuatu perkataan yang mempunyai huruf-huruf yang belum pernah dibunyikan. Oleh itu, kesilapan semasa membaca dianggap sebagai miskiū sedangkan ia adalah kesalahan dalam bacaan. Pada pendapatnya kaedah ini hanya sesuai untuk tulisan-tulisan grafonik seperti bahasa Cina.

2.2.3 Kaedah mengajar membaca ‘atas ke bawah’ dan ‘bawah ke atas’

Beverly L. Zakaluk (1996), dalam kajian mengenai proses membaca membincangkan tentang dua kaedah mengajar membaca iaitu kaedah ‘bawah ke atas’ dan kaedah ‘atas ke bawah’. Menurut kaedah ‘atas ke bawah’, maksud teks bergantung kepada pengetahuan sedia ada dan pemahaman pembaca. Pembaca

membentuk hipotesis dan membuat ramalan sebelum membaca. Teks yang dibaca akan menentukan samada ramalannya itu benar atau salah.

Manakala menurut kaedah bawah ke atas, prosesnya bermula dengan pengenalan bunyi dan huruf pada tahap pertama. Seterusnya perkataan diperkenalkan sebagai hasil gabungan bunyi dan huruf di tahap kedua. Di tahap ketiga murid-murid diperkenalkan dengan makna dalam bentuk sintaksis iaitu ayat. Di tahap ini murid-murid mengasimilasikan makna yang dipelajari dengan sistem pengetahuan.

Sebastian Wren (2003), mengatakan bahawa terdapat persamaan di antara kaedah 'atas ke bawah' dengan kaedah seluruh bahasa (meaning based approach). Ini kerana kedua-dua kaedah menyatakan bahawa pemahaman teks bergantung kepada pengalaman sedia ada pada pembaca. Selain itu, pembaca membuat hipotesis dan membuat andaian sebelum membaca.

Beliau menyatakan terdapat juga persamaan antara kaedah 'bawah ke atas' dengan kaedah berasaskan kepada kemahiran (skills based approach). Kedua-dua kaedah menekankan pengajaran fonik didahulukan dan diikuti dengan perkataan dan maksud.

2.2.4 Kaedah membaca seimbang

2.2.4.1 Sejarah perkembangan kaedah membaca seimbang

Lebih dari satu abad kajian mengenai membaca hangat diperbincangkan oleh ahli-ahli bahasa dari seluruh dunia. Kajian ini mula diberi perhatian setelah kertas kerja mengenai pergerakan mata semasa

membaca diterbitkan pada 1897 (Samuels&Kamil, 1984). Pada pertengahan 1960 perbincangan mengenai cara terbaik untuk mengajar membaca telah dikenalpasti. Ini adalah ekoran daripada kajian mengenai model membaca dan kajian perbandingan kepada pelajar tahun satu, yang telah dijalankan oleh Pejabat Pendidikan Amerika Syarikat (Venezky, 1984; Samuels&Kamil, 1984).

Pada tahun 1967, para ahli jawatan kuasa projek ke atas pelajar tahun satu dikendalikan khusus untuk mengenal pasti suatu pendekatan yang paling berkesan mengajar membaca. Jawatankuasa itu membuat kesimpulan bahawa pelajar yang belajar membaca dengan pelbagai bahan, kaedah dan penggabungan pendekatan adalah lebih berkesan. Tambahan lagi guru dan situasi pembelajaran mungkin lebih penting berbanding dengan kaedah belajar (Bond and Dykstra, 1997).

Keadaan-keadaan ini mendorong mereka untuk menjalankan kajian dari semua sudut proses membaca terutamanya pada peringkat awal belajar untuk membaca. Pada dasarnya mereka memberi tumpuan kepada dua pendekatan membaca, iaitu pendekatan berasaskan kemahiran (penekanan kepada penggunaan fonik) dan pendekatan berasaskan maksud (penekanan pengertian dan kefahaman).

Kedua-dua kaedah ini hangat diperdebat oleh para pengkaji iaitu kaedah berasaskan kemahiran dan kaedah berasaskan maksud. Mereka bertengkar lidah untuk menentukan kaedah mana yang paling sesuai untuk

mengajar membaca. Mereka berpegang teguh kepada pendapat dan hujah masing-masing.

Jika dibandingkan kedua-dua kaedah ini, tidak terdapat bukti yang kukuh yang menunjukkan kaedah terbaik (Sebastian Wren, 2003). Ekoran dari itu, para pengkaji mula mencari suatu kaedah yang lebih mantap untuk mengatasi masalah ini. Johnson(1999) menitikberatkan bahawa kaedah fonik dan pemahaman maksud adalah sama penting dan perlu diamalkan dalam pengajaran bacaan. Menurutnya, fonik tidak sepatutnya diajar secara berasingan tetapi perlu disebatikan dengan semua aspek pengajaran. Menurutnya bacaan dan ejaan memerlukan kematangan yang lebih berbanding penguasaan kemahiran fonik.

Justeru, para pengkaji membuat kesimpulan bahawa kedua-dua kaedah ini diperlukan dalam pengajaran membaca. Ekoran itu timbul idea kaedah membaca seimbang. Kaedah membaca seimbang ini mendapat sambutan meluas daripada kalangan guru dan juga pakar-pakar bahasa. Dengan kata lain, kaedah membaca seimbang dalam kelas menggabungkan kaedah fonik yang terbaik dan pendekatan seluruh bahasa untuk mengajar bacaan. Ini akan memenuhi keperluan pembacaan kanak-kanak.

Presley, 1998; Kelly,1997; Atterman 1997 menyatakan bahawa kaedah membaca seimbang adalah alternatif yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan.

2.2.4.2 Maksud kaedah membaca seimbang

Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah membaca seimbang? Kaedah membaca seimbang secara amnya merupakan kombinasi fonik dan seluruh kata. Para pengkaji dan pendidik berasa kanak-kanak perlu latihan dalam kedua-dua aspek iaitu, fonik dan seluruh kata di mana dapat membangunkan bunyi huruf serta merangka strategi-strategi melalui pembelajaran mendekod teks dan pemahaman bahan bacaan. (Kelly, 1997). Carbo (1996) pula mengatakan bahawa,

“Students have different learning styles. The ‘analytic and auditory students,’ in particular, benefit from phonics instruction; students with ‘visual, tactile and global learning’ tend to profit from a whole language approach.”

Pendapat beliau disokong pula oleh Raven (1997) yang menyatakan bahawa pemerolehan bacaan dalam pelbagai peringkat yang berlainan (pemilihan kiu, mengeja bunyi, dan automatik) memerlukan pendekatan yang berbeza, terutamanya pada peringkat mengeja bunyi. kaedah fonik adalah sangat penting dan berkesan.

Menurut Pejabat Pendidikan California (1995,1996),

“ the heart of a powerful reading program is the relationship between explicit, systematic skills instruction and literature, language and comprehension. While skills alone are insufficient to develop good readers, no reader can become proficient without these foundational skills.”

Honig (1996), menyokong kenyataan ini dengan memberi definisi pendekatan seimbang. Menurutnya, pendekatan seimbang merupakan,

“one which combines the language and literature-rich activities associated with whole language with explicit teaching of the skills needed to decode words-for all children.”

Satu lagi hujah mengatakan bahawa tumpuan perlu diberi bukan semata-mata pada bacaan sahaja tetapi tumpuan juga harus diberi kepada literasi. Ini bererti menggabungkan bahasa dan literasi merentasi mod-mod bahasa, disiplin-disiplin, menepati kemahiran dan strategi-strategi dalam konteks bacaan, tulisan dan mempelajari daripada seluruh teks yang bermakna (Weaver, 1998)

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan di atas penggunaan kaedah membaca seimbang dalam bacaan adalah lebih praktikal berbanding dengan kaedah-kaedah lain. Cunnighan and Hall (1998) menerangkan rangka kerja seimbang untuk literasi dimana kaedah ini dibahagikan kepada empat bahagian besar, iaitu bacaan terarah (guided reading), bacaan pilihan sendiri (Self-Selected reading), bengkel penulis (Writers Workshop) dan berurusan dengan perkataan (Working with Words).

Satu lagi cara seimbang yang dibincangkan ialah kaedah “seluruh-sebahagian-seluruh.” Strickland (1998) berpendapat kemahiran dan maksud teks tidak sepatutnya diasingkan dan kaedah-kaedah kemahiran

intensif perlulah berdasarkan kepada keperluan-keperluan yang dikenal pasti. Tambahan pula guru-guru perlu sedar objektif pengajaran dan pembelajaran kepada kelas yang mereka mengajar.

Lapp and Flood (1997) menyatakan bahawa fonik perlu diajar secara eksplisit dan juga secara kontekstual, iaitu mengintegrasikan apa yang murid sudah mengetahui dengan kemahiran dan konten yang perlu dibelajar.

2.2.4.4 Kaedah Mengajar Bacaan Seimbang

Ishak Haron (1991) telah meninjau beberapa kaedah mengajar membaca di peringkat awal. Antara kaedah yang disyorkan oleh beliau adalah:-

(i) *Kaedah abjad*

Kaedah mengetahui nama-nama huruf yang digunakan bagi tujuan tulisan Melayu

(ii) *Kaedah 'seluruh perkataan' atau kaedah 'pandang dan sebut'*

Kaedah ini dianggap sebagai reaksi kepada kelemahan yang terdapat pada kaedah abjad. Dikatakan bahawa dalam kaedah ini murid-murid cuba 'mengenal' keseluruhan lambang-lambang itu untuk membaca.

(iii) *Kaedah fonik*

Kaedah ini bertujuan untuk mengajar murid-murid melihat hubungan antara 'simbol'/ huruf dan 'bunyi' supaya mereka dapat membaca sendiri perkataan-perkataan baru .

(iv) ***Kaedah elektrik***

Kaedah ini merupakan 'kaedah campuran'. Campuran kaedah-kaedah mengikut kesesuaian murid, situasi bilik darjah dan bahan-bahan bacaan yang digunakan. Bagi Bahasa Malaysia ramai menganggap kaedah ini yang paling sesuai untuk mengajar kanak-kanak.

Ishak Haron (1991) juga mencadangkan beberapa kaedah gabungan yang sesuai untuk menggalakkan kanak-kanak membaca khususnya Bahasa Melayu kepada murid-murid Melayu di peringkat awal. Cadangan beliau adalah:-

- (i) Sistem ejaan Bahasa Melayu 'alphabetic' dan 'phonemik'
- (ii) Sukukata perkataan-perkataan Melayu adalah jelas.
- (iii) Ciri-ciri yang baik dari 'kaedah fonik' dan 'kaedah seluruh perkataan' boleh digabungkan.

Timothy Rasinski(1999) menyatakan dalam kajiannya bertajuk *Making and writing Using Letter Patterns* bahawa gabungan bentuk huruf dengan pembinaan dan penulisan perkataan merupakan aktiviti yang mempunyai pengaruh yang paling kuat dalam diri kanak-kanak. Kanak-kanak menggunakan huruf berasingan untuk berfikir semasa membina perkataan. Aktiviti sebegini dapat membantu kanak-kanak membina sensitiviti mengenai bentuk di mana mereka juga mampu mendekod dan mengeja perkataan-perkataan yang tidak mereka ketahui sebelum ini.

Stephen Burgess (2002) menjalankan kajian ke atas pembacaan berkongsi (Shared reading). Menurutnya, membaca secara berkongsi mempunyai hubungan dengan kemahiran bacaan awal. Pembolehubah dalam kajiannya menunjukkan terdapat hubungan signifikan dengan bahasa pertuturan, perbendaharaan kata, dan sensitiviti fonologi. Penemuannya dianggap penting kerana membaca secara berkongsi mempunyai perhubungan rapat dengan pelbagai hasil pembelajaran bahasa selain dari pengetahuan cetakan dan huruf.

Kekurangan dalam pengajaran sensitiviti fonologi merupakan faktor yang signifikan kepada ramai pelajar yang menghadapi masalah dalam belajar membaca. Menurut Stephen Burgess (2002), sensitiviti merujuk kepada kebolehan kanak-kanak memanipulasikan struktur bunyi bahasa pertuturan. Kanak-kanak yang bijak dalam mengesan dan memanipulasi sukukata, rima dan fonem merupakan kanak-kanak yang agak cepat menguasai kemahiran membaca. Oleh itu, beliau mencadangkan perlu ada penerokaan yang lebih terperinci dalam perkembangan sensitiviti fonologi.

Jyh Wee Sew (1999), pula menjalankan kajian bertajuk "Mengajar membaca dengan menggunakan kaedah fonik atau menyeluruh?" Dalam hasil kajiannya beliau memberikan empat cadangan yang boleh diguna pakai sebagai kaedah seimbang. Iaitu:-

- (i) Pendekatan pedagogi kemahiran membaca yang baik dan tepat dari sudut fonetik ialah pendekatan fonik. Kaedah fonik

mengungkapkan sebutan setiap perkataan dalam morfem pecahan dan seterusnya memudahkan tahap kenal huruf kanak-kanak dalam pedagogi kemahiran membaca.

- (ii) Pendekatan pedagogi kemahiran membaca yang berkesan dari sudut pertuturan ialah pendekatan fonik. Oleh sebab bacaan perkataan dihuraikan menerusi sistem fonetik yang bertepatan dengan bahasa ibunda masing-masing, pencapaian kanak-kanak menyerupai ragam bahasa penutur komuniti asalnya. Lantaran itu, komunikasi interpersonal yang berkesan dapat dicapai menerusi kaedah fonik.
- (iii) Pendekatan pedagogi kemahiran membaca yang menarik dari sudut kognisi ialah menyeluruh. Pendekatan pedagogi yang bergantung pada rangsangan bahasa sahaja kurang bermanfaat, sebagaimana yang dinyatakan dalam taksonomi pembelajaran Bloom. Dengan ini kaedah menyeluruh adalah lebih baik berupaya menghasilkan daya tumpuan kanak-kanak yang singkat.
- (iv) Pendekatan pedagogi kemahiran yang sesuai dengan psikologi pertumbuhan ialah pendekatan menyeluruh. Oleh sebab kemampuan kognisi yang terhad dalam pertumbuhan kanak-kanak dan daya ingatan yang singkat, optimaliti pengajaran amat penting. Kaedah menyeluruh dapat memanfaatkan tumpuan kanak-kanak menerusi rangsangan yang pelbagai bersesuaian dengan proses pembelajaran pra sekolah.

Program membaca seimbang merupakan kaedah terbaik dalam bacaan untuk melahirkan pembaca sepanjang hayat (Reading to Learn Institute, 1995). Menurut program ini, membaca seimbang menggariskan empat jenis pengalaman membaca. Terdapat empat cara untuk menjalankan bacaan, iaitu,

(i) ***Membaca Lantang (Reading Aloud)***

Menurut kaedah ini guru membaca secara lantang pelbagai karya sastera kepada murid-murid. Ini membuatkan murid berasa mereka dapat membaca tanpa bantuan.

(ii) ***Bacaan berkongsi (Shared reading)***

Dalam kaedah ini murid mengambil risiko untuk membaca sebahagian daripada teks. Semasa bacaan berkongsi guru dan murid membaca teks secara bersama. Guru menggunakan teks bacaan yang sama bagi sepanjang minggu. Dengan ini murid biasa dengan bahan bacaan dan turut baca bersama guru mereka. Ini secara tidak langsung mendorong minat murid untuk menulis kembali cerita yang dibacanya atau mereka cerita baru mengikut daya imaginasi mereka.

(iii) ***Bacaan terarah (Guided reading)***

Dalam kaedah ini murid dikumpulkan dalam kumpulan kecil dan diberi buku bacaan yang disediakan khas mengikut kebolehbacaan mereka. Guru memberi tumpuan yang lebih terperinci kepada

kumpulan atau pelajar yang menghadapi masalah bacaan dan memerlukan bantuan.

(iv) ***Bacaan Senyap (Silent Reading)***

Ini merupakan peringkat murid-murid memilih dan membaca teks yang mereka sukai secara individu. Ini secara tidak langsung memberikan banyak peluang kepada pelajar untuk melatih membaca.

Sam Blumenfeld (1993) mencadangkan beberapa kaedah untuk mengajar fonik dan menyeluruh. Pada mula kanak-kanak perlu belajar huruf, bunyi huruf, membunyikan seluruh kata, membaca cerita-cerita kecil, mahir dalam mendekod, mahir dalam sebutan, mengeja dengan betul, memperbanyak perbendaharaan dan pemahaman kata-kata baru dan akhir sekali menulis cerita atau puisi.

Dengan cara yang dikemukakan oleh Sam Blumanfeld di atas dapat kita merumuskan bahawa pada peringkat awal pembacaan, pengajaran fonik adalah penting dan sesuai. Pendapat ini disokong oleh Cynthia D. Bertelsen(2003). Beliau menyatakan,

“Children who do not get early strong phonics instruction early on may continue to struggle with reading and have reading problems into adulthood, while their peers with strong phonics and reading foundations will use this knowledge to surpass the poor readers.”

Mahzan Arshad(2003) mengetengahkan lima kaedah membaca, iaitu

(i) *Membaca bebas*

Apabila tidak mempunyai masalah membaca teks atau mempunyai motivasi yang tinggi terhadap teks atau topik.

(ii) *Membaca koperatif*

Apabila kumpulan pelajar membuktikan mereka memerlukan sedikit bantuan. Boleh dijalankan bagi tujuan berseronok sematamata.

(iii) *Membaca dengan bantuan guru*

Apabila teks atau kemampuan pelajar membuktikan mereka memerlukan bantuan yang lebih kerap dan digunakan dalam pelbagai variasi.

(iv) *Membaca secara berkongsi*

Apabila pelajar amat memerlukan bantuan. Kerap digunakan bagi pelajar yang baru belajar membaca.

(v) *Membaca lantang*

Digunakan apabila teks terlalu sukar, pengetahuan latar perlu dibina, bagi tujuan berseronok atau dalam pelbagai variasi.

Pendapat Mahzan dalam kaedah membaca adalah sama dengan kriteria yang dicadangkan dalam kaedah membaca seimbang.

2.3 Kesimpulan

Berdasarkan kajian-kajian berkaitan ini, kita dapat lihat bahawa para pengkaji telah memberikan tumpuan khusus kepada kajian kaedah bacaan seimbang. Memandangkan amalan membaca yang merupakan asas kemahiran kepada setiap insan maka aspek bacaan seimbang perlu diberi tumpuan khusus. Pandangan-pandangan ini memberi panduan dan gambaran jelas kepada pengkaji untuk menilai kemahiran membaca di kalangan murid-murid dari aliran sekolah jenis kebangsaan Tamil. Sorotan kajian yang diperolehi ini membantu pengkaji melihat sejauhmana amalan bacaan seimbang ini diamalkan dan dipraktikkan oleh murid-murid dari sekolah Tamil.